

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDDIN BIN JAFFAR  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 02 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10294**

**SOALAN :**

**Dato' Kamaruddin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ataupun Jabatan Imigresen Malaysia pernah mengeluarkan apa-apa dokumen identiti kepada Low Taek Jho (Jho Low) sebagai "Tan Kim Loong" atau "Eric Tan Kim Loong".**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), individu bernama Low Taek Jho telah dikeluarkan Sijil Kelahiran serta Kad Pengenalan (MyKad) kerana beliau dilahirkan di Malaysia dan merupakan warganegara Malaysia. Semakan lanjut mendapati bahawa tiada sebarang rekod permohonan pindaan nama Low Taek Jho kepada "*Tan Kim Loong*" atau "*Eric Tan Kim Loong*" pada Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh JPN.

Berhubung dokumen perjalanan, hasil semakan dengan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mendapati bahawa Low Taek Jho telah dikeluarkan Pasport Antarabangsa Malaysia.